



28 Disember 2016
28 December 2016
P.U. (A) 371

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 2) 2016

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 2) RULES 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) (No. 2) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Kaedah baharu 41A

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 41 kaedah yang berikut:

“Pengeluaran perumahan dan hadangan simpanan

41A. (1) Jika notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)(*da*) atau (*db*) Akta atas alasan ahli Kumpulan Wang telah membeli rumah daripada Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia dan telah mengambil pinjaman dan rumah itu telah digadaikan sebagai cagaran untuk pinjaman itu, Lembaga boleh, atas permohonan ahli Kumpulan Wang itu—

(*a*) menghadang simpanan dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu sehingga penyelesaian bayaran pinjaman dibuat; dan

(*b*) membuat pembayaran terus kepada institusi kewangan tertakluk kepada amaun dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu.